

12 APR 2001

PENGURANGAN CARUMAN KWSP BANTU RANGSANG EKONOMI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Langkah mengurangkan potongan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 2 peratus akan membantu merangsang ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Semuanya menyumbang, ia akan merangsang (ekonomi)... sedikit sebanyak (pengurangan itu) membantu perniagaan runcit," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran bahan penampal gigi "Silverfil", keluaran Syarikat Dunia Perwira Sdn Bhd di Taman Teknologi Malaysia.

Minggu lepas, Dr Mahathir mengumumkan beberapa langkah yang akan diambil kerajaan bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat ke atas Malaysia. Antara langkah itu ialah mengurangkan kadar potongan caruman gaji pekerja kepada KWSP daripada 11 peratus sekarang kepada 9 peratus.

Langkah mengurangkan peratusan itu telah menimbulkan bantahan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang merancang mengadakan picket pada 12 Mei.

Semalam, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn menasihatkan MTUC agar tidak meneruskan rancangan mereka itu kerana ia akan menjejaskan imej negara memandangkan Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh Asean Ke-15 akan diadakan pada masa yang sama di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir, yang mempertahankan langkah mengurangkan potongan caruman KWSP itu berkata: "Ia (pemotongan itu) adalah kecil tetapi ia akan menyumbang bersama-sama semua langkah yang diambil."

-- BERNAMA

SR AHH RHM NMO